



25 JAN, 2023

## Uniten, ITLPN meterai kerjasama pendidikan

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

# Uniten, ITLPN meterai kerjasama pendidikan

**PETALING JAYA** – Universiti Tenaga Nasional (Uniten) menjalin kolaborasi bersama Institut Teknologi Perusahaan Listrik Nasional (ITPLN) dari Indonesia dalam bidang pendidikan dan penyelidikan menerusi Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoU) yang ditandatangani di Bali, baru-baru ini.

MoU berkenaan ditandatangani oleh Naib Canselor Uniten, Prof. Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman bersama Rektor ITPLN, Prof. Dr. Ir. Iwa Garniwa sempena Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Government-Linked University Malaysia dan Aliansi Perguruan Tinggi Badan Usaha Milik Negara Indonesia.

Kedua-dua institusi pendidikan itu akan bekerjasama dalam program mobiliti pelajar dan staf, program akademik termasuk penawaran ijazah berkembar, kerjasama penyelidikan melalui geran padanan

dan penerbitan bersama, penganjuran persidangan antara-bangsa serta latihan.

Kerjasama berkenaan adalah kesinambungan daripada pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Indonesia, Joko Widodo di Istana Negara Bogor, yang mana kedua-duanya turut membincangkan pengukuhan sinergi di antara kedua negara.

Rentetan daripada pertemuan itu, Uniten yang merupakan cabang pendidikan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan ITPLN, cabang pendidikan Perusahaan Listrik Negara Indonesia menyahut baik seruan pemimpin kedua-dua negara.

Noor Azuan dalam satu kenyataan berkata, kerjasama itu mampu menghasilkan kajian ilmu yang dapat menyumbang kepada masyarakat sejagat serta penghasilan modal insan berkualiti untuk Malaysia dan Indonesia.



**NOOR AZUAN (tiga dari kanan) bersama Iwa (tiga dari kiri) menunjukkan dokumen perjanjian kerjasama di Bali baru-baru ini.**